

# UMAT ISLAM MALAYA WAJIB MENGEMASKAN DIRINYA

\*\*\*

Kalau kita perhati dengan saksamanya akan gerakan Islam di tanah air kita hari ini, sungguh umat menyedihkan. Islam agama yang hidup, agama yang penuh dengan undang-undang bermasyarakat agama yang mempunyai dan mewajibkan supaya tiap-tiap pemeluknya selalu memperhubungkan dirinya dengan Allah dan sesama manusia. Sayang tidak dapat diamalkan dengan amalan-amalan yang nyata oleh masyarakat kita hari ini, Ini adalah ditimbulkan oleh kejahilan mereka sendiri tentang hakikat agamanya yang sebenar. Anggapan kebanyakan dari masyarakat bangsa Melayu sekarang ini, ialah bahawa Islam hanyalah merupakan hukum ibadat-ibadat semata-mata-tidak lebih dari itu. Perhatilah! Setakat manakah gerakan-gerakan agama yang dialirkan oleh ulama-ulama kita? Setakat manakah pengertian umat tentang hakikat agamanya sendiri? Dan setakat manakah pula cahaya Islam yang sudah kita nyalakan?.....

## (Oleh Johari Ahmad)

Sesungguhnya keadaan yang semacam inilah yang amat menggelisahkan kita, terutama sekali mereka yang sehari demi sehari memerhati dengan penuh saksama.

Tanah air kita tidak lama lagi akan merdeka, ini adalah suatu perkara yang tidak dapat diangkarakan oleh sesiapa pun, tetapi bagi kita kemerdekaan itu belum memberi erti apa-apa selagi nasib agama kita tidak mendapat tempat yang sememangnya di dalam kemerdekaan itu, dan daya kesedaran ke arah mengamalkan ajaran-ajaran agama itu di dalam bahagian pemerintahan tidak ada.

Hal ini sudah tentu akan berlaku kalau alim ulama kita dan anak-anak muda Islam kita tidak mempunyai kesedaran langsung ke arah memperbaiki taraf agama dari sekarang juga. Sesungguhnya Islam ialah agama kemerdekaan – dan pemeluk-pemeluknya yang betul-betul berjiwa keislaman adalah berjiwa merdeka! – tetapi kita mengaku, bahawa Islam tidak akan mengakui kemerdekaan kosong, kemerdekaan yang di dalamnya tidak diisi dengan undang-undang Illahi! Keadaan ini adalah menjadi suatu kewajiban yang amat besar

sekali di atas tiap-tiap bahu ulama-ulama dan cerdik pandai agama kita, bangun menyiarkan agamanya, serta menubuhkan badan-badan Islam-badan-badan yang seumpama itu buat langkah pertama haruslah ditubuhkan di dalam tiap-tiap buah negeri, kemudian baharulah kesemuanya sekali disusun dan dibentuk menjadi satu, tegasnya-disatukan menjadi ikatan yang satu kuat yang akan memperjuangkan faham dan ideologi Islam.

Perkara yang semacam ini, pada fikiran kita, sudah semestinya diambil perhatian terutama sekali pada masa kita sedang menghadapi “pemilihan raya” yang akan memberi corak kepada pemerintahan Malaya kelak.

Selain daripada itu hendaklah juga diingatkan bahawa badan propaganda (*Lajnah al-Nashr wa al-Istā'lāmāt*) adalah juga menjadi suatu tenaga yang tak kurang mustahak ditubuhkan-majalah-majalah-siaran-siaran-tulisan-tulisan dari bijak pandai kita dengan masalah-masalah dan roh-roh keagamaan amatlah perlunya.

Umat kita tentu akan tertanya-tanya bagaimanakah corak pemerintahan mengikut dasar keislaman? dan apakah yang dimaksudkan dengan “Islamisme” atau ideologi Islam?

betulkah Islamisme ada jaminan untuk dijadikan dasar kenegaraan yang tetap dan kukuh?—seumpama inilah yang perlu dikupas sekarang!

Buku-buku pengetahuan yang berdasarkan keislaman, yang menggambarkan tinggi nilainya ajaran-ajaran Islam dan ideologinya seperti buku-buku yang ditulis oleh penulis-penulis Islam di Indonesia; HAMKA, Isa Anshari, Haji Agus Salim, perlu dan mesti diperkayakan di dalam masyarakat kita sekarang, dan kita bukanlah hendak mengangkat-ngangkat, tetapi yang sebenarnya langkah-langkah yang dibuat oleh alim ulama kita di seberang sana haruslah mendapat pujian!

Di dalam sekolah-sekolah agama kita yang bertebaran di tanah air kita hari ini, haruslah ditanamkan dengan sebaik-baiknya roh keislaman. Tafsir-tafsir seperti “*al-Manār*” “*al-Jawhar*” ciptaan Muḥammad ‘Abduh, Tanṭāwi Jawharī perlu diajar dan diselidiki dengan sedalam-dalamnya. Alangkah eloknya penuntut-penuntut agama kita hari ini dapat mengkaji buku-buku seperti itu, dan mentelaah lagi buku-buku lain, seperti “*al-Islām Ruḥ al-Madaniyah*” saya percaya pada masa itulah nanti dapat disaksikan betapa jiwa penuntut-penuntut agama akan tumbuh-menggantikan jiwanya (sebilangan besar daripadanya) yang selama ini diseliputi oleh keadaan beku dan jumud semata-mata. Selain daripada itu-gabungan alim ulama se-Malaya perlu dibentuk, ini pun serupalah seperti yang saya bentangkan tadi cawangan-cawangan daripada tiap-tiap negeri adalah menjadi langkah pertama, kemudian baharulah digabungkan, disatukan dasar-dasarnya. Dan sebagainya lagi kerja gabungan-gabungan yang semacam ini tentu sama-sama kita maklumi, di samping menjaga, mempertahankan, serta memperjuangkan aliran dan ideologi Islam, ialah juga untuk mengawal segala sesuatu yang mengenai hukum-hukum agama yang membawa perpecahan umat Islam seperti soal-soal khilafiah dan sebagainya. Ini tentu sahaja mudah untuk diselesaikan kalau di antara alim ulama kita sudah mempunyai

satu gabungan yang meliputi segenap ahli-ahlinya dari Tanah Melayu bolehlah diangkatkan daripadanya suatu lajnah, yang kepadanya diberi tugas untuk menyelesaikan perkara-perkara yang tersebut. Lajnah itu mustahaklah diberi nama “*Lujnah al-Aḥkām*”.

Penuntut-penuntut agama pun tak kurang juga mustahaknya untuk mempunyai pertubuhan sendiri, yang terbesar di Malaya ini. Gabungan dari persatuan-persatuan kecil di daerah-daerah di dalam tiap-tiap negeri. Orang tentu juga akan bertanya kita lagi, bukankah sekarang semua kita mesti menumpukan segenap perhatian ke arah soal “kemerdekaan” Malaya? - ya. Sebenarnyalah begitu, tetapi hendaklah diingat terutama ahli-ahli keagamaan dan mereka yang cintakan faham Islamisme, bahawa memikir-dan membela negara sahaja belum bererti membela agama! Tetapi kalau sudah membela agama bererti membela negara – sebab di antara agama dengan negara adalah berhubungan rapat!

Cubalah dengan sedaya upaya menyempurnakan maksud-maksud yang tersebut, sebab apa pun yang dikerjakan ke arah membangun, dan mempertahankan agama kita dan kedaulatan di muka persada tanah air ini adalah merupakan persiapan-persiapan, dan “*istiadat*” untuk satu kemungkinan di dalam perjuangan besar pada hari yang akan datang!

“Bekerjalah! Allah akan menyaksikan pekerjaan kamu, Rasulnya dan sekalian orang beriman!”

---

Hikmat itu barang kehilangan orang-orang mukmin! Oleh itu carilah kehilangan mu itu sekalipun ada pada ahli syurga.

\*

Ilmu yang tidak berguna sebagai ubat yang tidak menyembuhkan.

\*

Semulia-mulia manusia ialah orang yang nafsu syahwatnya tidak merosakkan agamanya.